

# GLOSARI

## GLOSARI

Memandangkan kajian ini banyak menggunakan istilah-istilah pelaburan dan kewangan penulis menyediakan glosari sebagai rujukan untuk lebih memahami isi perbincangan kajian ini. Glosari ini adalah dipetik daripada Dewan Bahasa Dan Pustaka (1997), *Kamus Pelaburan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka dan Dewan Bahasa dan Pustaka (1996), *Kamus Kewangan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

### A

#### **Agensi penarafan**

Agensi yang menyediakan laporan tentang sesuatu organisasi dan/atau keutuhan sesuatu instrumen kewangan. Di Malaysia, peranan ini dijalankan oleh Agensi Pengadaran Malaysia (RAM) yang menghadkan aktivitinya pada penarafan bagi sekuriti hutang sahaja. Di Amerika, contoh agensi penarafan adalah seperti Syarikat Moody's dan Syarikat Standard & Poor's. *Sinonim* agensi pengadaran.

#### **Agensi penarafan kredit**

Agensi yang menilai kedudukan kewangan individu atau institusi dan seterusnya manyediakan laporan tentang keutuhan kredit individu atau institusi berkenaan dengan tujuan untuk menyediakan kemudahan pinjaman. Laporan tersebut termasuk sejarah pembayaran sesuatu pinjaman. *Sinonim* agensi pengadaran keredit.

#### **Arbitraj**

Pembelian sesuatu komoditi, mata wang, atau saham pada harga yang rendah di satu pasaran dan dengan serentak menjualnya pula pada harga yang tinggi di pasaran yang lain.

### B

#### **Bida**

Sebut harga yang tertinggi, yang sanggup dibayar untuk membeli sekuriti atau komoditi tertentu. *Sinonim* tawar harga.

#### **Bida pasaran**

Skala yang digunakan bagi bida perdagangan. Dalam urus niaga saham, seseorang hanya boleh membida untuk membeli atau menjual saham berdasarkan bida perdagangan tertentu. Misalnya, untuk urus niaga saham yang kurang daripada RM1.00, skala harga yang dibida perlulah pada kadar 0.5

sen (1/2 sen). Manakala saham yang lebih daripada RM5.00 hingga RM9.95, skala harga yang dibida perlulah pada kadar 5 sen. Ini bermakna jika seseorang ingin membuat tawaran pembelian yang berharga kurang daripada RM1.00, maka tawarannya mestilah pada harga 99.5 sen, 99 sen, 98.5 sen, dan seterusnya, iaitu pada skala 0.5 sen. Manakala untuk saham yang berharga lebih daripada RM5.00 hingga RM9.95, tawaran harga perlu dibuat pada harga RM5.05, RM5.10, RM5.15, dan seterusnya, iaitu pada skala 5 sen. Ini ditunjukkan dalam jadual seperti di bawah.

Harga Tawaran RM	Tawaran Mengikut Gandaan (sen)
<1.00	0.5
1.0 – 2.99	1
3.00 – 4.98	2
5.00 – 9.95	5
10.00 – 24.90	10
25.00 – 99.50	50
> 100.00	100

### Bil perbendaharaan( treasury bill )

Sekuriti jangka pendek yang dikeluarkan oleh kerajaan melalui lelongan di Bank Negara

### Bon

Sekuriti hutang yang membayar sejumlah wang yang tetap kepada pemegangnya (selalunya setiap enam bulan atau setahun) dan mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun. Jumlah bayaran yang diberi kepada pemegang bergantung pada kadar kupon bon tersebut. Harga bon berubah secara songsang dengan kadar faedah di pasaran. Setiap bon ditetapkan nilai mukanya, kadar bayaran tahunannya (kadar kupon), tempoh matangnya (selalunya melebihi lima tahun), dan tempoh penebusannya (tempoh boleh tebus lebih awal daripada tempoh matang).

### Bon boleh panggil

Bon yang boleh ditebus oleh syarikat yang menerbitkannya pada harga tertentu selepas tempoh lindungan panggilan.

### Bon Cagamas

Bon yang mula diperkenalkan semasa pelancaran CAGAMAS Berhad iaitu syarikat yang berfungsi sebagai perantara antara pinjaman bercagar, terutamanya dalam pinjaman perumahan, dengan pelabur dana jangka panjang. Bon ini diterbitkan secara lelongan melalui sistem peniaga utama.

**Bon diskau**

Bon yang dijual pada harga yang lebih rendah daripada nilai taranya. Misalnya, jika nilai taranya RM1000, maka bon ini akan dijual pada harga yang kurang dari RM1000. Pengurangan ini dilakukan atas sebab-sebab yang berikut: (i) Untuk menarik pembeli dan (ii) Kadar pulangan yang digambarkan oleh nilai tara dan kadar kupon bon tersebut tidak berpadanan dengan kadar faedah.

**Bon gadai janji**

Bon yang dicagarkan dengan aset benar seperti bangunan dan peralatan.

**Bon perbendaharaan**

Bon yang dikeluarkan oleh kerajaan, yang mempunyai tempoh matang yang lama, selalunya antara 10 tahun hingga 30 tahun.

**Bon syarikat**

Bon yang diterbitkan oleh syarikat perniagaan dan dianggap tidak bebas risiko.

**Bon tanpa kupon**

Bon yang tidak dibayar faedah tetapi dijual dengan diskau, iaitu pada harga yang lebih rendah berbanding dengan nilai muka. Apabila matang, bon ini akan dibayar oleh penerbitnya pada nilai muka bon tersebut.

**C****Cagamas Berhad**

Syarikat gadai janji kebangsaan yang ditubuhkan pada bulan Disember 1986, yang bertujuan untuk membantu pihak pemberi pinjam perumahan menguruskan kecairan mereka melalui pembelian nota pinjaman perumahan daripada mereka, yang selalunya dengan menerbitkan bon gadai janji pertama atau pinjaman daripada pasaran antara bank.

**Cagaran**

Aset yang digunakan sebagai penyokong atau jaminan bagi sesuatu pinjaman yang dibuat.

**Cair**

Senang ditukarkan menjadi tunai.

**D****Dana bon**

Dana mutual yang portfolionya terdiri daripada bon yang bertujuan memberi penyimpannya keselamatan dan kestabilan pendapatan terhadap pelaburan atau simpanan mereka.

## **e**ebentur

sekuriti hutang yang diterbitkan oleh syarikat untuk mendapatkan sumber pembiayaan. Debentur diterbitkan dalam bentuk dokumen yang menyatakan sahawa syarikat berhutang sejumlah wang daripada pemegangnya. Ia merupakan sejenis bon bercagar yang disandarkan pada aset syarikat seperti nteria dan tanah.

## **E**

### **kuiti**

umber modal yang disumbangkan oleh pemegang saham biasa ses sebuah arikat. Ia ditunjukkan dalam kunci kira-kira syarikat tersebut, yang dinilai pada p-tiap tahun kewangannya. *Sinonim* modal ekuiti, modal syer.

## **F**

### **edah**

yaran yang dikenakan oleh pemutang terhadap penghutang kerana nggunaan dana yang dipinjamkan.

## **G**

### **dai janji**

Perjanjian peminjaman sejumlah wang untuk tujuan membeli rumah atau harta benda, dengan rumah atau harta benda tersebut dijadikan cagaran. Instrumen hutang yang penghutang memberi hak kepada pemberi hutang terhadap hartanya, yang dijadikan cagaran sehingga pinjaman tersebut dibayar semula.

### **d pelaburan Moody**

meringkatan atau penarafan yang dibuat oleh Moody (sebuah badan arafan dfi Amerika Syarikat) terhadap organisasi pengeluar instrumen ng.

## **H**

### **mengundi**

yang diberikan kepada pemegang sesuatu sekuriti untuk memilih lembaga arah atau mengundi sesuatu keputusan seperti kadar dividen. Hak ini nyanya digunakan dalam mesyuarat agung. Had hak ini bergantung pada jenis iti, jumlah atau bilangan sekuriti yang dipegang. Di Malaysia, hanya

pemegang saham sahaja diberikan hak ini yang biasanya satu undi bagi seunit saham yang dipegang.

### **Harga nominal**

Harga purata bagi kontrak niagaan ke depan komoditi yang diperoleh daripada purata antara harga bida dengan harga tawaran, terutamanya bagi tempoh masa tiada berlakunya urus niaga.

### **Hutang**

1. Pinjaman oleh seseorang atau sesebuah syarikat perniagaan untuk membiayai aktiviti penggunaan atau perniagaan.
2. Tanggungan kewangan yang perlu dijelaskan oleh peminjam pada kewangan atau dengan cara menerbitkan sekuriti seperti stok pinjaman, nota, debentur atau bon.

### **Hutang jangka panjang**

Hutang yang perlu dijelaskan jumlah pokok dan faedahnya dalam tempoh masa yang panjang, selalunya melebihi lima tahun.



### **Indentur**

Perjanjian yang formal, yang mengandungi syarat-syarat sekuriti hutang yang diterbitkan. Misalnya, indentur bon yang mengandungi syarat yang dinyatakan pada bon.

### **Instrumen hutang**

Instrumen kewangan yang diterbitkan oleh sesuatu organisasi untuk mendapatkan pembiayaan. Pemegang instrumen ini dianggap sebagai pemutang. Instrumen ini mempunyai tarikh matang, iaitu tempoh menebus kembali dan juga diberikan kadar faedah yang tetap yang dibayar secara berkala. Antara instrumen hutang yang diterbitkan oleh korporat ialah bon, debentur, stok pinjaman dan nota manakala instrumen hutang yang diterbitkan oleh kerajaan ialah bon kerajaan.

### **IOU**

Nota janji hutang. Instrumen hutang yang menjanjikan untuk membayar hutangnya pada tarikh tertentu pada masa akan datang. Sekiranya nota ini mempunyai ciri boleh niaga, ia boleh dijual beli sebelum tarikh matang.

Malaysia, Kader ini adalah untuk pelajar yang berumur dua puluh dan tiga bulan, atau yang setaraf dengan mereka.

# K

## Kadar diskau

1. Kadar yang digunakan untuk mengira nilai kini bagi satu aliran tunai masa hadapan, sebagaimana yang digunakan dalam pembelanjawan modal.
2. Kadar faedah yang dikenakan oleh bank pusat terhadap bank-bank yang meminjam daripadanya, yang berperanan sebagai pemberi pinjam yang terakhir.

## Kadar faedah

Kadar (peratusan) yang ditetapkan terhadap sesuatu pinjaman atau deposit. Faedah yang diterima menjadi pendapatan kepada pendeposit dan juga pengeluar pinjaman.

## Kadar hasil

Kadar pulangan yang diperolehi oleh pelabur, yang mengaitkan pendapatan tunai dengan harga dan dikira sebagai peratusan modal pelaburannya.

## Kadar hasil faedah

Kadar hasil yang diperoleh daripada faedah tunai yang diterima daripada pemegangan sekuriti hutang, yang dinyatakan sebagai peratusan daripada harga belian atau harga semasa.

## Kadar nominal

Kadar faedah yang dibayar terhadap sekuriti hutang tanpa kesan inflasi (kehilangan kuasa membeli), yang dinyatakan sebagai peratusan berdasarkan nilai muka sesuatu sekuriti. Kadar ini sama dengan kadar kupon tetapi kadar kupon lebih khusus pada terbitan bon.

## Kecairan

1. Keadan pasaran yang terdapat cukup pembeli dan penjual yang boleh menjadikan urus niaga dalam pasaran tersebut berada dalam keadaan yang baik dan teratur.
2. Ukuran keupayaan syarikat dalam memenuhi tuntutan hutang apabila masanya sampai.
3. Keadaan aset yang mudah ditukarkan menjadi tunai pada harga yang stabil.

## KLIBOR

Singkatan bagi Kuala Lumpur inter-bank offered rate. Iaitu kadar tawaran antara bank Kuala Lumpur. Kadar pinjaman bagi dana jangka pendek antara bank di Malaysia. Kadar ini adalah untuk tempoh matang sehari, satu minggu, satu bulan, tiga bulan, enam bulan, sembilan bulan dan satu tahun.

### **Kupon**

Bayaran yang tetap kepada pemegang bon bagi setiap tempoh tertentu, selalunya enam bulan atau satu tahun. Ia seolah-olah seperti faedah atau faedah yang dibayar bagi pinjaman jangka panjang.

## **L**

### **Liabiliti**

Hutang atau tanggungan sesebuah syarikat yang berbentuk jangka panjang atau jangka pendek. Misalnya bon, pinjaman bank, kredit dagangan dan overdraf.

## **M**

### **Modal**

Wang dana yang digunakan oleh syarikat untuk membeli aset untuk tujuan menjalankan operasinya yang diperoleh daripada penjualan sekuriti, pinjaman atau simpanan sendiri.

### ***Mudārabah***

Konsep dalam sistem perbankan tanpa faedah yang bermaksud perjanjian antara bank dengan pengusaha, iaitu bank bersetuju untuk membiayai projek yang diusahakan oleh pengusaha tersebut dan untung dikongsi mengikut nisbah yang dipersetujui bersama terlebih dahulu. Jika projek tersebut mengalami kerugian, kos projek akan ditanggung sepenuhnya oleh bank.

## **N**

### **Nilai par**

Nilai yang ditetapkan secara arbitrari pada masa saham mula diterbitkan. Misalnya, nilai par bagi kebanyakan saham di Malaysia ialah RM 1.00. Bagi bon dan saham keutamaan, nilai ini disebut nilai muka.

### **Nilai intrinsik**

Nilai sebenar sesuatu sekuriti dengan mengambil kira faktor fundamental sekuriti berkenaan, seperti perolehan dan dividen. Nilai ini diperolehi dengan cara mendiskaunkan aliran tunai yang diterima daripada pemegangan sesuatu sekuriti. Misalnya, nilai intrinsik bagi saham ialah nilai kini aliran tunai yang diterima daripada pemegangan saham, termasuk dividen dan nilai pada akhir tempoh pegangan. Nilai ini menjadi panduan dalam menentukan sama ada harga pasaran sekuriti berkenaan terlebih atau terkurang nilai. Harga pasaran sekuriti yang melebihi nilai ini dianggap sebagai terlebih nilai dan sebaliknya.

# P

## **Pasaran atas kaunter**

Pasaran bagi sekuriti yang tidak disenaraikan secara rasmi di sesuatu bursa saham sesebuah negara. Misalnya, saham-saham syarikat di Malaysia yang diurusniagakan di bawah sistem CLOB di Singapura. Urusniaga ini tidak diiktiraf oleh Bursa Saham Kuala Lumpur, dan oleh itu pemindahan milik saham-saham ini tidak berlaku.

## **Pasaran bon**

Pasaran bagi urus niaga bon dan sekuriti hutang jangka panjang yang lain, seperti debentur, nota dan stok pinjaman. Di Malaysia, instrumen hutang jenis bon ini diniagakan di pasaran saham.

## **Pasaran modal**

Pasaran bagi instrumen kewangan yang bertempoh matang melebihi satu tahun, misalnya pasaran bon dan pasaran saham.

## **Pasaran wang**

Pasaran bagi instrumen kewangan berjangka pendek, seperti bil perpendaharaan, kertas perdagangan, sijil deposit boleh niaga, REPO, dan instrumen kewangan lain yang serupa dengannya.

## **Penarafan bon**

Penilaian atau pengredan yang dibuat oleh badan penarafan yang bebas bagi menyatakan mutu atau tahap risiko sesuatu bon. Di Malaysia, penarafan bon ini dilakukan oleh Rating Agency of Malaysia (RAM).

## **Penyahantaraan**

Pengaliran keluar wang atau dana daripada institusi kewangan atau sistem kewangan dengan banyaknya, yang menyebabkan jumlah dana yang boleh dipinjam dari institusi atau sistem kewangan ini berkurangan. Pengaliran keluar ini disebabkan pulangan yang diberikan oleh institusi kewangan atau sistem kewangan tersebut kepada penyimpannya tidak memuaskan berbanding dengan pelaburan lain yang terdapat di pasaran.

## **Perlindungan nilai (*hedging*)**

Tindakan mengambil kedudukan dalam pasaran yang berlawanan dengan kedudukan asal bagi tujuan mengurangkan atau menghapuskan risiko perubahan harga pada masa akan datang. Misalnya, seseorang yang memiliki sesuatu komoditi boleh menjualnya secara kontrak niagaan ke depan bagi tujuan melindungi komoditi tersebut daripada kejatuhan harga pada masa depan.

## **Portfolio**

Gabungan beberapa pelaburan atau gabungan beberapa sekuriti bagi tujuan pelaburan. Misalnya, seseorang melabur dalam saham A, B dan C. Dalam kes ini pelabur tersebut dikatakan mempunyai portfolio pelaburan yang terdiri daripada saham-saham tersebut.

## **Premium bon**

Bon yang dijual pada harga yang lebih tinggi daripada nilai mukanya. Ia boleh berlaku apabila kadar faedah di pasaran lebih rendah daripada kadar kupon.

## **Q**

### **Qardul Hasan**

Konsep dalam sistem perbankan tanpa faedah yang bermaksud pinjaman ihsan, iaitu pinjaman yang diberikan tanpa sebarang pulangan yang diharapkan. Walau bagaimanapun, peminjam boleh membayar melebihi jumlah pinjaman yang dibuat, mengikut budi bicaranya.

## **R**

### **Riba**

Konsep dalam sistem perbankan tanpa faedah, yang bermaksud faedah yang dikenakan kepada peminjam.

### **Risiko**

Keadaan ketidaktentuan nilai dijangka yang akan diperoleh pada masa hadapan. Kadang-kadang risiko dimaksudkan sebagai pendedahan kepada kemungkinan kerugian.

### **Risiko pemerintah (*sovereign risk*)**

Risiko yang berkaitan dengan kemungkinan sesebuah kerajaan itu tidak dapat membayar hutangnya, disebabkan perubahan dasar negara kerajaan tersebut yang berpunca daripada perubahan pucuk pimpinan.

## **S**

### **Sekuriti**

Saham atau instrumen kewangan. Walau bagaimanapun, ia lebih kerap digunakan bagi merujuk saham biasa. Sekuriti boleh dikelaskan kepada dua kategori, iaitu sekuriti ekuiti dan sekuriti hutang. Sekuriti ekuiti adalah seperti saham, manakala sekuriti hutang adalah seperti bon, gadai janji dan nota.

### **Sekuriti berpendapatan tetap**

Sekuriti yang memberi pulangan tetap secara berkala kepada pelabur dalam bentuk faedah atau dividen, seperti yang boleh didapati daripada bon, stok pinjaman, debentur dan saham keutamaan.

### **Sekuriti hutang**

Sekuriti yang dikeluarkan dalam bentuk hutang, seperti bon dan stok pinjaman. Pemegangnya menjadi si pemutang kepada syarikat penerbit dan dibayar kadar faedah.

### **Sekuriti kerajaan**

Sekuriti yang diterbitkan oleh sesebuah kerajaan. Di Malaysia, sekuriti ini disebut Sekuriti Kerajaan Malaysia(MGS) dan Bon Simpanan Malaysia (BSM)

### **Stok pinjaman**

Sekuriti hutang yang diterbitkan oleh syarikat sebagai pertukaran dengan wang pinjaman yang diberikan oleh pelabur. Sekuriti ini tidak semestinya memerlukan cagaran, berbanding dengan debentur yang memerlukan cagaran.

### **Suruhanjaya Sekuriti**

Suruhanjaya yang dibentuk bagi mengambil-alih fungsi Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) dan Panel Pengambilalihan dan Percantuman (TOP). Suruhanjaya ini berkuatkuasa selepas Menteri Kewangan membentangkan bil Suruhanjaya Sekuriti 1992 pada bulan Oktober 1992. Walau bagaimanapun operasinya bermula pada 1 Mac 1993. Ia bertanggungjawab dalam semua hal yang berkaitan dengan industri sekuriti dan industri niagaan ke depan komoditi. Antara fungsi Suruhanjaya Sekuriti ini ialah:

- i. Memberi nasihat kepada Menteri Kewangan tentang semua perkara yang berkaitan dengan industri sekuriti dan niagaan ke depan.
- ii. Membuat peraturan tentang hal yang berkaitan dengan penerbitan sekuriti dan penentuan kontrak niagaan ke depan.
- iii. Mentadbir, menyelia dan mengawal pengambilalihan dan percantuman.
- iv. Membuat peraturan tentang hal yang bersangkutan dengan amanah saham.
- v. Menyelia aktiviti bursa saham, gedung penjelasan dan depositori pusat.
- vi. Menjaga kepentingan pihak yang terlibat dengan individu sekuriti dan industri niagaan ke depan.
- vii. Meneliti tindakan dan amalan yang dilarang dalam urus niaga pasaran sekuriti dan niagaan ke depan.

viii. Mengesyorkan perubahan perudungan yang bersangkutan dengan pasaran sekuriti dan niagaan ke depan serta perubahan pada peraturan bursa dan gedung penjelasan.

## T

### **Tarikh matang**

Tarikh sesuatu sekuriti hutang, seperti bon, stok pinjaman atau debentur dan polisi insurans mesti dibayar semula oleh penerbitnya.

## V

### **Volatiliti**

Keadaan harga saham yang berubah-ubah, iaitu boleh naik atau turun.

### **Volum dagangan**

Jumlah pembelian dan penjualan sesuatu sekuriti, kontrak hadapan, atau opsyen yang diperdagangkan pada satu hari dagangan.